



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



**SIKAP DAN KEPUASAN RAKYAT TERHADAP PRESTASI
KERAJAAN NEGERI KELANTAN DI BAWAH
PENTADBIRAN PAS PASCA PRN 2023: SATU KAJIAN KES
DI KAWASAN PARLIMEN KOTA BHARU, KELANTAN**

*PUBLIC ATTITUDES AND SATISFACTION TOWARDS THE
PERFORMANCE OF THE KELANTAN STATE GOVERNMENT UNDER PAS
ADMINISTRATION POST-2023 STATE ELECTION: A CASE STUDY IN THE
AREA OF PARLIAMETARY OF KOTA BHARU, KELANTAN*

Mazlan Ali¹, Junaidi Awang Besar^{2*}

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Menara Razak, Universiti Teknologi Malaysia, 54100, Kuala Lumpur, Malaysia

 mazlanali.kl@utm.my

 <https://orcid.org/0009-0007-8082-9757>

²Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

 jab@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-1521-6827>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.03.2026

Revised date: 20.03.2026

Accepted date: 20.04.2026

Published date: 11.06.2026

To cite this document:

Ali, M., & Awang Besar, J. (2026). Sikap Dan Kepuasan Rakyat Terhadap Prestasi Kerajaan Negeri Kelantan Di Bawah Pentadbiran PAS Pasca PRN 2023: Satu Kajian Kes Di

Abstrak:

Artikel ini meneliti sikap dan kepuasan rakyat terhadap prestasi Kerajaan Negeri yang ditadbir oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di negeri Kelantan, dengan memberi fokus kepada kawasan P21 Parlimen Kota Bharu selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023. Kajian ini juga mengkaji tahap kepuasan rakyat terhadap usaha pembangunan, keberkesanan pentadbiran Menteri Besar Kelantan, serta impak program diperkenalkan oleh kerajaan negeri. Tumpuan utama kajian ini adalah penduduk di Parlimen Kota Bharu yang merangkumi 32 daerah terpilih, melibatkan seramai 1,000 orang responden yang dipilih menerusi kaedah bersrta bernisbah purposive. Data kajian juga dianalisis secara deskriptif. Kelantan, yang telah lama berada di bawah penguasaan PAS, menawarkan konteks politik yang unik dengan corak sokongan rakyat yang berakar kepada elemen keagamaan, budaya dan identiti tempatan. Hasil kajian mendapati majoriti responden menyatakan tahap kepuasan yang tinggi terhadap kepimpinan kerajaan negeri, meskipun terdapat

Kawasan Parlimen Kota Bharu, Kelantan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(44), 118-

ruang penambahbaikan terutama dalam aspek infrastruktur dan pengurusan sisa pepejal. Kajian ini menyumbang kepada wacana akademik berhubung politik pembangunan di negeri-negeri yang ditadbir oleh PAS. Kajian ini juga memberi gambaran kepada pemahaman yang lebih mendalam dan bermakna terhadap keberkesanan tadbir urus negeri dalam konteks pembangunan wilayah di Malaysia dengan menyoroti dimensi ekonomi, sosial, infrastruktur, dan spiritual yang membentuk persepsi rakyat. Sebagai rumusan, kajian ini memberikan satu gambaran penting dan jelas tentang kestabilan politik di Kelantan dan potensi hala tuju pentadbiran negeri pasca PRN 2023.

DOI: 10.35631/IJLGC.1144008

Kata Kunci:

PAS, Parlimen Kota Bharu, Kelantan, PRN 2023, Prestasi Kerajaan, Pembangunan, Persepsi Rakyat

Abstract:

This article examines the attitudes and satisfaction of the people toward the performance of the State Government administered by the Parti Islam Se-Malaysia (PAS) in Kelantan, with a particular focus on the P21 Kota Bharu parliamentary constituency following the 2023 State Election (PRN 2023). The study also evaluates public satisfaction with development efforts, the administrative effectiveness of the Kelantan Chief Minister, and the impact of programs introduced by the state government. The primary focus is on residents within the Kota Bharu parliamentary constituency, covering 32 selected districts and involving 1,000 respondents selected through a proportionate stratified purposive sampling method. The data were analyzed descriptively. Kelantan, which has long been governed by PAS, presents a unique political context with a support pattern rooted in religious, cultural, and local identity elements. The findings reveal that the majority of respondents expressed a high level of satisfaction with the state government's leadership, although there remains room for improvement, particularly in infrastructure development and solid waste management. This study contributes to the academic discourse on development politics in PAS-led states. It also provides a more meaningful and in-depth understanding of state-level governance effectiveness in the context of regional development in Malaysia, highlighting the economic, social, infrastructural, and spiritual dimensions that shape public perception. In conclusion, the study offers an important and clear picture of political stability in Kelantan and the potential direction of its state administration in the post-PRN 2023 era.

Keyword:

PAS, Kota Bharu Parliamentary Constituency, Kelantan, PRN 2023, Government Performance, Development, Public Perception



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcellence.com

Pengenalan

Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang mempunyai latar belakang politik yang unik dan paling stabil. Kelantan telah diperintah secara konsisten oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) selama lebih 35 tahun, menjadikannya antara negeri dengan kestabilan politik untuk tempoh yang lama. PAS telah mentadbir negeri Kelantan sejak tahun 1990 dan terus mengekalkan kuasa serta status kemenangannya selepas PRU15 dan PRN 2023. Malah, Nur Fazlina dan Hidayatidaya (Berita Harian, 20 November 2022) melaporkan gabungan PAS dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) di bawah payung Perikatan Nasional (PN) berjaya mencipta sejarah menang semua kerusi 14 kerusi Parlimen dipertandingkan dalam PRU15. Keputusan itu juga menyaksikan Pengerusi BN dan Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Ahmad Jazlan Yaakub, gagal mempertahankan kerusi Parlimen Machang disandangnya sebelum ini selepas tewas kepada Ketua Armada Bersatu, Wan Ahmad Fasysal Wan Kamal yang bertanding atas tiket PAS.

Menurut Khairil Anwar Mohd Amin (Sinar Premium, 20 November 2022) tiga pemimpin popular Barisan Nasional (BN) memakai gelaran 'Tengku' tewas mengejut kepada pencabar masing-masing daripada Perikatan Nasional (PN) dan Pakatan Harapan (PH) iaitu di Parlimen Gua Musang, Putrajaya dan Kuala Selangor pada PRU15 lalu. Mereka termasuklah bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah pula tewas mengejut di kubu kuatnya yang disandangnya selama 48 tahun atau 11 penggal kepada muka baharu yang juga calon PAS Mohd Azizi Abu Naim di Parlimen Gua Musang pada PRU15 lalu dengan majoriti tipis 163 undi. Seorang lagi mantan Menteri Kewangan, Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz pula tewas ditangan calon PH, Dzulkefly Ahmad di Parlimen Kuala Selangor, manakala bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor tewas kepada Naib Presiden Bersatu, Radzi Jidin.

Pada 13 Ogos 2022-pula melaporkan gabungan PAS dan Bersatu berjaya mencipta sejarah luar biasa dengan memenangi 43 daripada 45 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan dipertandingkan dalam PRN 2022. PAS menang di 38 daripada 39 kerusi ditandingi parti Islam berkenaan manakala rakan kerjasamanya Bersatu di lima daripada enam kerusi ditandingi. Barisan Nasional (BN) pertama kali bergabung dengan Pakatan Harapan (PH) dalam Kerajaan Perpaduan di Putrajaya hanya menang satu daripada 31 kerusi ditandinginya pada PRN 2023 iaitu di DUN Galas menerusi penyandangannya Mohd Syahbuddin Hashim. Menurut Hazelen Liana Kamaruddin (Sinar Harian, 12 Ogos 2023) calon PH, Dr Hafidzah Mustakim pula mencipta kejutan berjaya merampas kerusi DUN Kota Lama yang sebelum ini dikuasai oleh Pas dalam pertembungan empat penjurong bersama dua lagi wakil BEBAS. Untuk rekod, Hafidzah menang dengan majoriti 202 undi selepas memperoleh 9,691 undi menewaskan calon Pas, Zamri Ismail yang memperoleh 9,489 undi manakala dua lagi calon BEBAS hilang wang pertaruhan.

Bagaimanapun, kekalahan PAS dalam PRN 2023 tidak menghalang kawasan Parlimen Kota Bharu kekal antara kubu kuat PAS dan merupakan kawasan strategik yang menggambarkan pola sokongan rakyat serta keberkesanan dasar kerajaan negeri. Namun, kritikan awam terhadap aspek pembangunan, infrastruktur dan pengurusan sisa pepejal mencetuskan persoalan terhadap sejauh mana keberhasilan pemerintahan PAS membawa kemajuan kepada rakyat. Artikel ini menumpukan kepada persepsi rakyat terhadap prestasi pentadbiran PAS

pasca PRU15, dengan fokus khusus kepada Parlimen Kota Bharu. Kajian ini bertujuan menilai secara empirikal sama ada rakyat Kelantan berpuas hati terhadap pentadbiran sedia ada dan merasakan negeri mereka sedang bergerak ke arah kemajuan. Untuk mendapat hasil yang lebih terperinci, kajian ini telah dijalankan mengikut kumpulan umur tertentu, jenis pekerjaan dan juga tahap pendidikan responden.

Sejarah Politik Pilihan Raya di Negeri Kelantan

Sejarah politik pilihan raya di Negeri Kelantan mempunyai dinamika yang unik dan sering menjadi tumpuan dalam landskap politik Malaysia. Negeri ini terkenal dengan identiti politik Islam yang kuat serta kecenderungan rakyatnya yang berpegang kepada nilai tradisi dan agama. Sejak sebelum merdeka, Kelantan telah menunjukkan pola politik yang berbeza berbanding negeri-negeri lain, dengan penglibatan aktif ulama dan institusi agama dalam proses politik. Faktor sejarah ini menjadi asas kepada pembentukan budaya politik yang konsisten hingga hari ini.

Pilihan raya umum pertama pada tahun 1955 menyaksikan Parti Perikatan memenangi majoriti di peringkat Persekutuan, tetapi di Kelantan sokongan terhadap parti-parti pembangkang lebih ketara. Pada ketika itu, Parti Negara pimpinan Dato' Onn Jaafar memperoleh sokongan signifikan di Kelantan, selain kehadiran tokoh-tokoh agama yang menyertai politik. Pilihan raya negeri 1959-pula menjadi titik penting apabila PAS berjaya menawan Kelantan buat kali pertama, menandakan bermulanya era pemerintahan Islam yang dibentuk oleh ulama.

Kemenangan PAS pada 1959 meletakkan Kelantan sebagai negeri pertama yang memberikan mandat besar kepada sebuah parti berasaskan perjuangan Islam. Pentadbiran PAS pada era ini membawa pendekatan politik yang lebih dekat dengan sentimen agama masyarakat Kelantan. Walaupun berdepan dengan tekanan politik daripada kerajaan Persekutuan, PAS berjaya memerintah selama hampir dua dekad. Tempoh ini mengukuhkan imej PAS sebagai parti pilihan rakyat Kelantan.

Namun, landskap politik Kelantan berubah pada tahun 1977 selepas krisis politik antara PAS dan Barisan Nasional (BN) di peringkat persekutuan. Kemelut ini membawa kepada pengisytiharan darurat di Kelantan, dan seterusnya PAS tersingkir daripada kerajaan negeri. Pada pilihan raya 1978, BN menawan Kelantan dengan majoriti besar, menandakan berakhirnya pemerintahan PAS buat sementara waktu. Peristiwa ini menjadi salah satu episod paling dramatik dalam sejarah politik negeri tersebut.

Walaupun BN memerintah dari tahun 1978 hingga 1990, sokongan rakyat Kelantan terhadap PAS tidak pernah hilang sepenuhnya. BN cuba memperkenalkan pelbagai pembangunan fizikal bagi memenangi hati rakyat, namun faktor budaya politik masyarakat Kelantan yang celik agama menyebabkan PAS kekal relevan. Persaingan politik antara PAS dan BN pada era ini berlaku dengan sengit, khususnya melibatkan isu agama dan identiti politik.

Pilihan raya tahun 1990 menandakan kebangkitan semula PAS apabila parti itu, bersama gabungan Angkatan Perpaduan Ummah (APU), berjaya merampas kembali Kelantan daripada BN. Kemenangan ini sebahagiannya dipacu oleh karisma kepimpinan ulama,

khususnya Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Sejak itu, PAS mengukuhkan Kelantan sebagai kubu kuatnya sehingga ke hari ini, menjadikan negeri tersebut simbol kekuatan politik Islam di Malaysia.

Era 1990 hingga 2013 memperlihatkan PAS terus mempertahankan Kelantan dalam beberapa siri pilihan raya walaupun berdepan cabaran politik nasional. Kepimpinan Nik Abdul Aziz menjadi faktor dominan dalam mengekalkan populariti PAS, disamping dasar “Membangun Bersama Islam” yang diterima baik oleh majoriti rakyat. Struktur sokongan akar umbi yang kukuh serta jaringan pendidikan agama turut memainkan peranan penting.

Selepas 2015, perubahan politik nasional termasuk perpecahan dalam Pakatan Rakyat memberi kesan terhadap persaingan politik di Kelantan. Namun PAS tetap berjaya mempertahankan negeri tersebut dalam PRU14 (2018) dan PRU15 (2022) meskipun berdepan lawan baru seperti Parti Amanah Negara (Amanah) dan Bersatu. Kerjasama politik melalui blok Perikatan Nasional turut mengukuhkan kedudukan PAS dalam pilihan raya negeri 2023.

Politik pilihan raya di Kelantan bukan sekadar pertandingan memperoleh kuasa, tetapi mencerminkan perjuangan ideologi, budaya politik berasaskan agama, dan jati diri masyarakat. Kelantan kekal menjadi laboratorium politik Islam di Malaysia, sambil menunjukkan bagaimana sokongan rakyat boleh bertahan merentasi generasi. Dinamika ini dijangka terus membentuk masa depan politik negeri tersebut dalam era politik Malaysia yang semakin kompleks.

Kajian Literatur

PAS sering digambarkan sebagai aktor politik yang menunggang ideologi Islamisme dalam kerangka demokrasi pilihan raya. PAS menggabungkan retorik keislaman dengan amalan politik pragmatik dalam usaha membina sokongan akar umbi, khususnya di Kelantan. Konsep “politik identiti Islam” digunakan secara strategik oleh PAS untuk meletakkan dirinya sebagai satu-satunya parti yang mempertahankan kepentingan Islam, berbanding parti lain yang dianggap sekular atau liberal (Zainal, 2023). Melalui dasar seperti *Malaysia Madani versi Kelantan*, kerajaan negeri menekankan konsep kesejahteraan rohani, pembangunan modal insan, dan pembangunan yang seimbang antara fizikal dan spiritual (Wan Salwana et al., 2024). Pendekatan ini telah menjadi asas kepada program pembangunan sosial dan ekonomi negeri. Kajian oleh Awang Besar (2022) mentafsirkan bahawa pola sokongan terhadap PAS di Kelantan berakar umbi dalam sokongan penduduk di kawasan luar bandar dan pengundi Melayu Islam. Pengundi muda dan golongan B40 melihat PAS sebagai parti yang mewakili suara rakyat marhaen dan agama, berbanding dengan naratif kosmopolitan yang dibawa oleh parti-parti lain (The Round Table, 2023). Fenomena ‘*passive resistance*’ turut mempengaruhi tingkah laku pengundi, di mana pengundi telah menunjukkan protes secara senyap terhadap kerajaan persekutuan melalui sokongan kepada PAS (Taib & Vivian, 2024).

Kajian oleh Nasrudin et al. (2022) menunjukkan bahawa di negeri-negeri yang dikuasai parti Islam, persepsi terhadap integriti dan kecekapan pentadbiran sering kali menjadi kekuatan utama, walaupun terdapat kekangan dari segi kewangan dan sokongan persekutuan. Seperti dinyatakan oleh Zainal (2023), PAS berjaya menanamkan naratif bahawa undi kepada PAS

adalah undi untuk Islam. Kajian ini menyokong hujah tersebut apabila sokongan kekal tinggi walaupun kritikan terhadap pembangunan fizikal masih wujud. Beberapa pengkaji (Mazlan & Azmi, 2021) berpendapat bahawa kemajuan fizikal negeri ini masih perlahan berbanding negeri lain. Tambahan pula, persepsi rakyat terhadap pemimpin amat penting dalam menentukan kelangsungan politik parti (Hamzah & Zainab, 2020). Faktor keagamaan menjadi pengikat utama antara rakyat dan kerajaan negeri. Rakyat menilai pemimpin mereka bukan hanya melalui pencapaian ekonomi, tetapi juga dari segi akhlak, gaya hidup sederhana dan ketegasan dalam dasar Islam. Ini sejajar dengan dapatan oleh Farish (2019) yang menyatakan bahawa legitimasi Islamik memainkan peranan penting dalam politik Melayu luar bandar dan menekankan bagaimana elemen seperti akhlak pemimpin, kesederhanaan hidup, dan integriti moral menjadi daya tarikan utama kepada pengundi luar bandar yang lebih sensitif terhadap isu nilai daripada materialisme. Pendekatan ini dibuktikan berkesan apabila PAS berjaya mengekalkan pengaruhnya di Kelantan tanpa mampu dicabar selama lebih tiga dekad.

Menurut Mohd Azizuddin (2018), kejayaan sesebuah kerajaan negeri dalam konteks politik Malaysia bukan hanya dinilai berdasarkan kemenangan pilihan raya, tetapi juga melalui keberkesanan dasar dan tahap kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan awam. Zainal Abidin (2020) pula menegaskan bahawa pengurusan perbandaran, infrastruktur asas dan kecekapan birokrasi merupakan indikator penting dalam menentukan tahap kepercayaan rakyat terhadap kerajaan negeri.

Dalam konteks PRU15, PAS bukan sahaja mengekalkan dominasi di Kelantan, malah mencatat peningkatan ketara di negeri-negeri lain melalui kerjasama dalam Perikatan Nasional. Ini membuktikan bahawa keberkesanan strategi politik Islam yang dibawa oleh PAS semakin diterima secara meluas, terutamanya selepas kemerosotan sokongan terhadap UMNO dan kehadiran blok pembangkang yang dilihat tidak stabil (The Star, 2023). Kajian ini menambah dimensi mikro kepada pemahaman tentang gelombang sokongan tersebut, khususnya di kubu kuat PAS.

Metodologi Kajian

Kawasan kajian yang dipilih adalah Parlimen P21 Kota Bharu yang mempunyai seramai 115,466 pengundi berdaftar merangkumi 3 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Tanjong Mas (D08), Kota Lama (D09) dan Bunut Payong (D10). Ini membolehkan pengumpulan data yang mencerminkan kepelbagaian demografi dan latar belakang responden untuk analisis yang lebih menyeluruh.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan di lapangan yang dijalankan oleh penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada bulan Jun 2025. Saiz sampel adalah seramai 1000 orang responden dengan pelbagai latar belakang di sekitar Parlimen Kota Bharu dengan melibatkan 32 Pusat Daerah Mengundi (PDM).

Parlimen Kota Bharu dipilih sebagai fokus kajian kerana ia merupakan kawasan strategik. Hal ini kerana kedudukan Kota Bharu sebagai pusat pentadbiran, ekonomi, dan populasi utama negeri Kelantan. Parlimen P21 Kota Bharu dapat memberi gambaran yang jelas tentang sikap dan tahap kepuasan pengundi terhadap kerajaan negeri dibawah kepimpinan

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang telah berjaya mengekalkan kuasa pentadbiran negeri sejak 1990 apatah lagi pasca PRU15 telah menyaksikan PAS bergabung dengan BERSATU di bawah nama Perikatan Nasional (PN).

Seterusnya, Parlimen P21 Kota Baru dilihat signifikan kerana mempunyai pelbagai faktor demografi utama seperti umur, jantina, bangsa, latar belakang pendidikan, keahlian politik dan pekerjaan. Kajian ini melibatkan responden yang berumur 18 tahun keatas dan perincian peratusannya dinyatakan dalam jadual 1 dibawah. Kepelbagaian faktor demografi ini membolehkan kajian dibuat secara menyeluruh tentang isu tahap kepuasan pengundi terhadap pembangunan dan program yang telah dilaksanakan kerajaan negeri dalam memajukan negeri Kelantan.

Jadual 1: Peratusan Berdasarkan Umur Responden Di Parlimen Kota Bharu

Umur	Peratusan
18 - 20	7.20 %
21 - 25	11.6 %
26 - 30	27.9 %
36 - 40	13.8 %
41 - 45	13.2 %
46 - 50	8.50 %
51 - 60	9.00 %
61 Keatas	8.80 %

Hasil Kajian dan Perbincangan

Data ini memperlihatkan gambaran yang kompleks. Walaupun majoriti menunjukkan sokongan terhadap kepimpinan dan pembangunan di Kelantan, masih wujud sebahagian besar yang tidak berpuas hati. Antara isu yang sering dibangkitkan termasuklah Isu bekalan air di mana masalah air bersih yang berlarutan tanpa penyelesaian jangka panjang telah mencetuskan ketidakpuasan meluas. Isu dari segi kekangan ekonomi dan pekerjaan juga terus membelenggu bila mana kurangnya pelaburan serta peluang pekerjaan menyebabkan ramai anak muda berhijrah ke negeri lain. Kemerosotan alam sekitar disebabkan oleh Aktiviti pembalakan yang tidak terkawal membawa kepada bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh, serta memberi kesan kepada masyarakat Orang Asli dan luar bandar.

Sokongan berterusan terhadap kerajaan negeri Kelantan boleh dikaitkan dengan elemen "politik identiti" yang merujuk kepada orientasi politik yang berasaskan elemen agama, bangsa, atau budaya yang membentuk kesetiaan jangka panjang terhadap sesebuah parti. Politik identiti merujuk kepada pendekatan politik yang berasaskan kesedaran dan pengalaman kolektif sesuatu kumpulan sosial, seperti kaum, etnik, agama, jantina, orientasi seksual, atau kelas sosial. Ia muncul daripada keperluan kelompok tertentu untuk memperjuangkan hak, pengiktirafan, serta perlindungan terhadap diskriminasi atau ketidakadilan yang dihadapi. Dalam konteks ini, identiti bukan sekadar ciri peribadi, tetapi menjadi asas solidariti politik dan penyatuan tuntutan masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, khususnya negeri-negeri majoriti Melayu seperti Kelantan dan Terengganu, politik identiti amat berpengaruh dalam menentukan arah sokongan politik (Liow, 2011) dan menurut Mohd Azizuddin (2022), PAS di Kelantan mengadaptasi pendekatan pentadbiran Islam yang digemari masyarakat tempatan dan dianggap mewakili nilai-nilai Islam. PAS, sejak penubuhannya pada tahun 1951, telah mengukuhkan kedudukannya sebagai parti Islam yang bukan sekadar memperjuangkan kuasa politik, tetapi juga membawa misi dakwah dan pembentukan masyarakat berasaskan nilai Islam (Farish A. Noor, 2014). Menurut Pye dan Verba (1965) budaya politik terhasil melalui pengalaman daripada proses sosialisasi politik panjang yang memberikan pengetahuan, membentuk ikatan kepercayaan dan perasaan serta bertindak sebagai garis panduan dalam penilaian bertingkah laku mengenai politik. Walaupun begitu, keberkesanan pelaksanaan dasar pembangunan masih menjadi tanda tanya dalam kalangan sebahagian rakyat Kelantan yang semakin celik politik.

Dalam sesebuah negara, budaya politik menjadi asas kepada kestabilan dan keberkesanan sistem politik. Apabila rakyat mempunyai kefahaman yang jelas tentang hak dan tanggungjawab mereka, serta mempercayai institusi politik, proses demokrasi dapat berjalan dengan lebih lancar. Sebaliknya, jika wujud ketidakpercayaan atau sikap apatis, sistem politik mungkin menjadi lemah dan tidak berfungsi secara optimum.

Budaya politik juga boleh dikategorikan kepada beberapa jenis, seperti budaya politik parokial, subjek, dan partisipan. Dalam budaya politik parokial, rakyat kurang terlibat atau tidak berminat terhadap politik. Budaya subjek pula menunjukkan rakyat sedar tentang kewujudan kerajaan tetapi hanya bertindak sebagai penerima keputusan. Budaya partisipan merupakan tahap tertinggi, di mana rakyat aktif menyertai proses politik dan memahami peranan mereka dalam mempengaruhi dasar negara.

Selain itu, budaya politik membantu membentuk tingkah laku politik dalam kalangan masyarakat. Sikap seperti toleransi, keterbukaan, dan kepercayaan terhadap proses demokrasi mempengaruhi cara rakyat bertindak semasa pilihan raya, berinteraksi dengan institusi, serta menyuarakan pendapat. Nilai budaya politik yang positif sering dikaitkan dengan kestabilan politik dan pembangunan sosial yang lebih baik.

Budaya politik bukan sesuatu yang statik tetapi sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa seperti globalisasi, teknologi maklumat, dan perubahan generasi. Pembaharuan dalam sistem pendidikan, peningkatan literasi politik, serta media sosial turut mempengaruhi cara rakyat melihat politik. Oleh itu, memahami budaya politik penting untuk meramal dinamika politik sesebuah negara dan membina masyarakat yang lebih demokratik serta berdaya saing.

Walaupun Kelantan sering dikritik dari segi pembangunan infrastruktur (Khairil & Azlan, 2020), dapatan kajian ini menunjukkan bahawa persepsi rakyat Kelantan terhadap prestasi kerajaan negeri pimpinan PAS adalah positif. Ini menunjukkan kebergantungan sokongan rakyat bukan semata-mata berasaskan pencapaian dan pembangunan fizikal serta infrastruktur semata-mata, tetapi lebih kepada legitimasi moral dan agama yang ditonjolkan oleh PAS. Hasil kajian Winzeler (1975) mendapati agama Islam sangat istimewa dalam budaya masyarakat Melayu Kelantan dan ideologi perjuangan PAS sangat sepadan dengannya, menyebabkan PAS amat mudah diterima oleh rakyat Kelantan. Nilai politik yang

dibawa oleh Pas didapati lebih dekat di hati pengundi. Oleh sebab itu, mereka lebih cenderung memilih Pas berbanding parti lain (Mazli Mamat et al., 2023). Penolakan terhadap parti-parti lain seperti UMNO dan Pakatan Harapan (PH) mungkin mencerminkan ketidakpercayaan terhadap naratif pembangunan semata-mata, tanpa elemen keagamaan yang kukuh.

Perjuangan Islam PAS di Negeri Kelantan mempunyai akar sejarah yang panjang dan menjadi identiti politik negeri tersebut sejak pertengahan abad ke-20. PAS mula mendapat tempat di Kelantan melalui gerakan ulama yang mahu menegakkan pemerintahan berteraskan Islam sebagai alternatif kepada pendekatan sekular parti arus perdana. Faktor sosioagama masyarakat Kelantan yang kuat pegangan tradisi Islam memudahkan PAS membina sokongan, sekali gus menjadikan negeri itu sebagai kubu penting mereka dalam arena politik Malaysia.

Sejak menawan Kelantan pada tahun 1959, PAS berusaha menampilkan pentadbiran yang mencerminkan nilai Islam, walaupun menghadapi cabaran politik dan pentadbiran. Selepas kehilangan kuasa pada tahun 1978, PAS kembali memerintah pada 1990 melalui kerjasama politik dan sokongan rakyat yang mahukan perubahan. Walaupun melalui pelbagai ujian, termasuk tekanan politik persekutuan, PAS tetap mempertahankan Kelantan dengan imej sebagai negeri contoh untuk pelaksanaan dasar bercirikan Islam.

Dalam pentadbiran negeri, perjuangan Islam PAS diterjemahkan melalui dasar-dasar yang menekankan moral, pendidikan agama, dan pembangunan insan. Antaranya pelaksanaan dasar-dasar seperti pengukuhan institusi pondok, pengenalan cuti hari Jumaat, usaha membangunkan ekonomi berasaskan halal, serta pelaksanaan program dakwah yang meluas. Walaupun beberapa dasar berkaitan hudud atau undang-undang jenayah syariah menghadapi kekangan perlembagaan, PAS tetap menjadikannya simbol komitmen terhadap perjuangan Islam.

Di samping itu, PAS di Kelantan turut menampilkan model kepimpinan berteraskan integriti, sederhana, dan mesra rakyat. Tokoh seperti Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menjadi ikon kepimpinan Islam yang dihormati, bukan sahaja kerana ilmunya tetapi juga kerana gaya hidup zuhud dan keperibadian yang dekat dengan rakyat. Kepimpinan sedemikian mengukuhkan lagi sokongan masyarakat terhadap perjuangan PAS serta menyumbang kepada kestabilan politik negeri.

Kepimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan dari 1990 hingga 2013 dianggap sebagai era keemasan pemerintahan PAS di negeri tersebut. Beliau dilihat bukan sahaja sebagai pemimpin politik, tetapi juga tokoh agama yang dihormati masyarakat pelbagai lapisan. Gabungan ilmu agama yang mendalam, ketokohan sebagai ulama, serta personaliti sederhana menjadikan beliau ikon kepimpinan Islam yang sukar ditandingi. Kejayaannya mengekalkan sokongan kuat rakyat Kelantan selama lebih dua dekad membuktikan keberkesanan pendekatan kepimpinannya.

Dari sudut pentadbiran, Tok Guru Nik Aziz membawa gaya pemerintahan yang berteraskan ketelusan, amanah, dan integriti. Beliau menolak gaya hidup mewah, memilih kehidupan sederhana, dan sentiasa dekat dengan rakyat. Pendekatan ini memberi keyakinan kepada

masyarakat bahawa beliau memimpin bukan demi kepentingan peribadi, tetapi demi tanggungjawab agama dan kesejahteraan rakyat. Sikapnya yang rendah hati dan mesra rakyat menjadikan beliau pemimpin yang mudah didekati, sekali gus mengukuhkan hubungan antara kerajaan negeri dan masyarakat.

Tok Guru Nik Aziz turut memperkenalkan dasar “Membangun Bersama Islam”, yang menjadi kerangka pembangunan Kelantan sepanjang pemerintahannya. Dasar ini menekankan keseimbangan antara pembangunan material dan spiritual, dengan memberi perhatian kepada pendidikan agama, pembangunan insan, serta pembentukan masyarakat berakhlak. Walaupun berdepan kekangan ekonomi dan kekurangan sumber negeri, beliau tetap berusaha memastikan pembangunan Kelantan berjalan mengikut acuan Islam yang syumul.

Dalam arena politik nasional, Tok Guru Nik Aziz memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan PAS sebagai parti Islam yang progresif dan inklusif. Beliau dikenali sebagai pemimpin yang tegas terhadap prinsip, tetapi pada masa sama terbuka kepada kerjasama politik demi kepentingan rakyat. Ucapannya yang bersahaja namun mendalam sering menjadi rujukan masyarakat. Karismanya membantu menaikkan imej PAS di peringkat nasional dan mengurangkan persepsi negatif terhadap politik Islam.

Kepimpinan Tok Guru Nik Aziz meninggalkan legasi besar dalam sejarah Kelantan dan politik Malaysia. Beliau menjadi simbol pemimpin yang menggabungkan ilmu, akhlak dan keberanian moral dalam pentadbiran. Walaupun telah tiada, nilai dan pendekatan kepimpinannya masih mempengaruhi generasi politik Kelantan hingga hari ini. Warisannya terserlah melalui kestabilan politik negeri, kekuatan PAS, serta penghormatan masyarakat terhadap model kepemimpinan Islam yang beliau tonjolkan.

Perjuangan Islam PAS di Kelantan bukan sekadar usaha politik, tetapi satu projek jangka panjang untuk membina masyarakat yang berasaskan nilai Islam. Walaupun berdepan pelbagai cabaran ekonomi, institusi, dan politik nasional, PAS berjaya mengekalkan Kelantan sebagai platform untuk mengembangkan idealisme Islam dalam konteks demokrasi Malaysia. Perjuangan ini terus berevolusi mengikut perubahan masa, namun fokus kepada syariat, akhlak, dan kesejahteraan rakyat kekal menjadi tonggak utama gerakan PAS di negeri tersebut.

Persepsi Terhadap Menteri Besar Kelantan

Hasil kajian menunjukkan 73.1% responden dengan 24.5% sangat bersetuju dan 48.6% bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan prestasi Menteri Besar Kelantan, Mohd Nassaruddin Daud terutama dalam aspek hubungan mesra dengan rakyat dan imej Islamik beliau. Ini menggambarkan tahap keyakinan yang tak berbelah bagi terhadap kepimpinan semasa. Sokongan yang tinggi terhadap Menteri Besar Kelantan, Mohd Nassaruddin Daud mencerminkan kejayaan personal beliau sebagai pemimpin yang dipercayai rakyat. Faktor media sosial, pendekatan langsung kepada masyarakat dan naratif kepimpinan berlandaskan nilai Islamik mungkin menyumbang kepada hasil kajian ini. Kajian ini memberi gambaran penting tentang sentimen rakyat terhadap kepimpinan negeri dan menjadi asas kepada pembuat dasar untuk merangka strategi pembangunan yang lebih inklusif.

Dapatan kajian ini menunjukkan kadar sokongan yang tinggi terhadap kepimpinan Menteri Besar Kelantan, Mohd Nassaruddin Daud, mungkin berpunca daripada dasar mesra rakyat yang beliau terapkan serta kejayaan dalam menyelesaikan isu-isu setempat seperti infrastruktur dan kebajikan sosial. Kepimpinan Menteri Besar Kelantan, Mohd Nassaruddin Daud dilihat stabil, berintegriti dan konsisten dalam memperjuangkan dasar Islam dan kebajikan rakyatnya. Meskipun pembangunan fizikal di negeri Kelantan tidak sepesat negeri-negeri lain, keupayaan mengurus negeri dengan sumber terhad merupakan satu kejayaan tersendiri. Sejak beliau mengambil alih pucuk pimpinan, beliau telah menjalankan tugas sebagai ketua pimpinan yang berwibawa dalam tadbir urus hal-hal dalam negeri Kelantan. Beliau meneruskan legasi pentadbiran nilai Islam dalam pentadbiran dan menegaskan bahawa pendekatan “Membangun Bersama Islam” kekal sebagai dasar utama dengan penekanan terhadap integriti, amanah dan ketelusan.

Pendekatan “Membangun Bersama Islam” merupakan dasar utama yang diperkenalkan oleh Kerajaan PAS Kelantan sejak memerintah semula pada tahun 1990. Ia berfungsi sebagai kerangka pembangunan negeri yang meletakkan Islam sebagai asas dalam semua aspek pemerintahan, pentadbiran dan pembangunan masyarakat. Pendekatan ini menekankan bahawa pembangunan bukan hanya bersifat material atau fizikal, tetapi turut meliputi pembangunan rohani, moral, dan akhlak masyarakat agar seiring dengan tuntutan syariat.

Dari sudut pentadbiran, dasar ini diterjemahkan melalui usaha memurnikan sistem kerajaan negeri supaya selari dengan nilai Islam seperti amanah, integriti, ketelusan dan kebajikan rakyat. Antara contoh pelaksanaannya termasuk garis panduan berpakaian sopan di premis kerajaan, program peningkatan profesionalisme berasaskan nilai Islam, serta pengukuhan pentadbiran berorientasikan maqasid syariah. Melalui dasar ini, kerajaan negeri cuba menampilkan model governance yang bersih dan bertanggungjawab menurut acuan Islam.

Dalam aspek sosial, “Membangun Bersama Islam” memberi penekanan kepada pembinaan masyarakat yang seimbang dari segi kerohanian dan intelektual. Program dakwah, pengajian agama, pengukuhan institusi masjid dan pondok, serta aktiviti pendidikan keluarga menjadi keutamaan. Pendekatan ini bertujuan membentuk masyarakat yang berakhlak, berdisiplin, dan memiliki jati diri Islam yang kukuh, seterusnya menyumbang kepada keharmonian sosial serta kestabilan negeri.

Dari segi ekonomi, dasar ini menggalakkan pembangunan yang halal, beretika dan mesra rakyat. Kerajaan negeri memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti pembangunan ekonomi berteraskan halal, pengurusan tanah yang lebih sistematik, serta galakan keusahawanan kecil dan sederhana. Penekanan diberikan kepada pembangunan berteraskan keadilan sosial agar kekayaan negeri dapat diagihkan dengan lebih seimbang tanpa mengabaikan golongan kurang berkemampuan.

Pendekatan “Membangun Bersama Islam” mencerminkan usaha Kerajaan PAS Kelantan untuk memadukan nilai Islam dengan keperluan moden dalam pemerintahan. Ia menampilkan satu model pembangunan alternatif yang cuba mengimbangi kemajuan fizikal dengan pembinaan insan dan moral. Walaupun berdepan pelbagai cabaran dari sudut ekonomi dan persekitaran politik nasional, dasar ini tetap menjadi teras identiti pentadbiran PAS Kelantan

serta simbol komitmen mereka terhadap perjuangan Islam dalam konteks demokrasi Malaysia.

Teori pilihan rasional (Downs, 1957) menyatakan bahawa pengundi akan menyokong parti atau calon yang mampu memberikan pulangan paling tinggi kepada mereka, berdasarkan analisis kos dan manfaat. Teori pilihan rasional adalah pendekatan dalam sains sosial yang menjelaskan tingkah laku manusia berdasarkan andaian bahawa individu membuat keputusan secara rasional untuk memaksimumkan kepentingan atau manfaat diri mereka. Menurut teori ini, setiap tindakan dipilih selepas mempertimbangkan kos dan faedah, sama ada secara sedar atau tidak sedar. Oleh itu, tingkah laku manusia dianggap sebagai hasil pertimbangan logik terhadap pilihan yang ada.

Teori ini mempunyai akar dalam ekonomi, tetapi kemudian berkembang dalam bidang sosiologi, sains politik, dan psikologi. Dalam ekonomi, ia ditonjolkan melalui konsep “*homo economicus*”, iaitu manusia yang sentiasa membuat pilihan paling menguntungkan. Namun dalam bidang lain, teori ini digunakan untuk memahami motivasi sosial, tingkah laku pengundi, tindakan kolektif, serta keputusan yang melibatkan norma dan nilai masyarakat. Pada asasnya, teori pilihan rasional cuba memberikan kerangka umum untuk meramalkan keputusan manusia.


Dalam sains politik, teori ini sering digunakan untuk memahami tingkah laku pengundi, ahli politik, dan institusi. Pengundi, misalnya, dilihat memilih calon atau parti berdasarkan faedah yang mereka jangka akan diterima, seperti dasar ekonomi, kebajikan atau identiti sosial. Ahli politik pula digambarkan sebagai aktor yang membuat keputusan untuk mengekalkan kuasa, mendapatkan sokongan, atau memaksimumkan manfaat politik. Dengan itu, keputusan politik dilihat sebagai hasil strategi individu atau kumpulan yang mengejar kepentingan tertentu.

Walau bagaimanapun, teori pilihan rasional turut menerima kritikan kerana dianggap terlalu menyederhanakan sifat manusia. Kritikan utama ialah teori ini mengandaikan manusia sentiasa bertindak rasional, sedangkan dalam realiti, emosi, budaya, norma sosial dan maklumat terhad turut mempengaruhi keputusan. Selain itu, teori ini kurang mengambil kira kerumitan hubungan sosial yang kadangkala membuat individu bertindak bertentangan dengan kepentingan material mereka.

Namun begitu, pendekatan ini sering kali tidak memadai dalam menjelaskan tingkah laku pengundi dalam masyarakat tradisional dan beridentiti kuat seperti di Kelantan. Dari pandangan pengundi Melayu, elemen emosi, sentimen keagamaan, dan kesetiaan keluarga sering mengatasi penilaian rasional terhadap prestasi atau kelayakan calon. Ini diperkukuhkan oleh kajian Ufen (2009) yang menyatakan bahawa dalam masyarakat yang mempunyai sejarah perpecahan politik berasaskan agama dan kaum, rasionaliti pengundi sering dikaburi oleh keperluan mempertahankan identiti kolektif. Pengamalan Islam di Kelantan berbeza dengan negeri lain kerana cara hidup Islam dan nilai Islam diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding nilai-nilai politik yang lain (Mazli Mamat et al., 2023)

Namun, wujud juga kumpulan kecil (15.2%) yang tidak berpuas hati, mencerminkan keperluan bagi kerajaan negeri meneliti isu yang menjadi punca rasa tidak puas hati ini. Selain itu, peratusan yang tidak tahu/tidak relevan (11.7%) menunjukkan terdapat golongan

yang kurang maklumat atau tidak berminat dengan isu pentadbiran negeri. Ini mengisyaratkan perlunya komunikasi kerajaan yang lebih berkesan.



Rajah 1: Berpuas hati dengan prestasi Menteri Besar Kelantan

Persepsi Terhadap Kejayaan Pemerintahan Membawa Kemajuan

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap kepercayaan yang agak tinggi terhadap kemampuan kerajaan negeri dalam membawa pembangunan. Sebanyak 40.50% menyatakan bahawa mereka bersetuju manakala 21.0% sangat setuju bahawa kerajaan negeri berjaya membawa kemajuan dan perubahan buat negeri Kelantan. Walaupun naratif popular sering mengaitkan Kelantan dengan pembangunan fizikal yang perlahan, persepsi rakyat menunjukkan sebaliknya, bahawa pembangunan yang dibawa mungkin lebih bersifat sosial, spiritual, atau komuniti.

Walau bagaimanapun, peratusan yang agak besar (23.1%) yang tidak pasti dan keliru samada kerajaan negeri telah betul-betul membawa kemajuan yang menguntungkan rakyat dan demi rakyat. Ini menunjukkan terdapat keraguan atau jurang maklumat serta kefahaman tentang dasar pembangunan yang dibuat oleh kerajaan negeri. Ini boleh berlaku akibat kurangnya komunikasi dasar, atau kerana hasil pembangunan tidak dirasai secara langsung oleh semua lapisan masyarakat.


Perbandingan dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia menunjukkan Kelantan masih ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi dan infrastruktur, namun kekal unggul dalam aspek kestabilan politik dan identiti budaya. Aspirasi pengundi Parlimen Kota Bharu pasca PRU15 dan PRN 2023 lebih tertumpu kepada keperluan reformasi ekonomi, peluang pekerjaan, dan peningkatan taraf hidup. Dengan pengundi di Parlimen Kota Bharu mula menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap isu pengurusan sisa pepejal dan kesihatan awam, Widad Fadhullah (2022). Dalam pada itu, Inisiatif seperti penguatkuasaan Undang-Undang Keci Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB) yang menekankan kepada nilai-nilai Islam. Tujuan utama pelaksanaan undang-undang kecil

berkenaan adalah untuk memastikan masyarakat setempat mengamalkan ajaran Islam sebenar dalam kehidupan harian masing-masing. Antara contoh undang-undang kecil dikuatkuasakan oleh MPKB yang menerapkan nilai-nilai Islam adalah berkaitan dengan peraturan mewajibkan semua peniaga dan pekerja premis perniagaan beragama Islam menutup aurat dan berpakaian sopan. Malah, menurut Suzei Mat Nurudin et al. (2022) langkah diambil MPKB berkenaan mendapat sambutan baik dalam kalangan rakyat Kelantan sekali gus menjadi ikutan dan model kepada negeri lain.

Kajian ini menunjukkan bahawa persepsi rakyat dan pengundi di Parlimen Kota Bharu terhadap kejayaan pemerintah negeri Kelantan adalah bercampur, dengan kecenderungan positif terhadap aspek sosial, pentadbiran Islamik, dan kestabilan politik. Namun, cabaran ekonomi, peluang pekerjaan, dan pembangunan infrastruktur kekal sebagai isu utama yang menjejaskan persepsi terhadap kemajuan negeri. Oleh sebab itu, kerajaan negeri mula memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek berimpak tinggi seperti:

- Pembinaan loji rawatan air baharu
- Program rumah mesra rakyat
- Pembangunan pekebun kecil getah (melalui RISDA)
- Dengan jumlah keseluruhan 467 projek bernilai RM25.7 bilion dalam Rancangan

Malaysia Ke-12(RMK12), ini menunjukkan komitmen yang serius oleh kerajaan negeri ke arah penyelesaian struktur dan bukan sekadar retorik ideologi. Kekuatan utama kerajaan negeri adalah pada penerapan nilai Islam dan pengurusan sosial, namun kekangan sumber dan pelaburan mengekang kemajuan ekonomi. Kajian juga menonjolkan keperluan untuk memperkukuh identiti bandar dan memperbaiki kualiti hidup melalui inovasi dalam perancangan bandar dan pengurusan sumber.



Rajah 2: Kerajaan Negeri Kelantan Berjaya Membawa Kemajuan Kepada Rakyat

Kepuasan Terhadap Pembangunan yang Dilaksanakan

Pembangunan sesebuah negeri bukan sekadar hasil fizikal, tetapi ia mencerminkan bagaimana dasar kerajaan diterjemah kepada kesejahteraan rakyat. Dalam konteks Kelantan iaitu sebuah negeri dengan pemerintahan berteraskan Islam di bawah pemerintahan parti PAS sejak 1990. Ini membezakan Kelantan daripada negeri lain yang lebih menekankan pembangunan fizikal. Cabaran pembangunan sering dikaitkan dengan keupayaan fiskal, daya saing ekonomi, dan pengekal nilai tradisi. Selepas PRU15, Kelantan kekal diterajui oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), justeru penting untuk menilai sama ada mandat rakyat selari dengan tahap kepuasan terhadap pembangunan semasa.

Selepas PRU15, landskap politik Malaysia mengalami perubahan ketara dengan kerajaan Persekutuan diterajui oleh gabungan politik baharu. Dalam keadaan ini, kerajaan negeri Kelantan menghadapi beberapa cabaran dalam memastikan kesinambungan pembangunan meskipun berlaku perbezaan ideologi dengan kerajaan pusat (Rahman, 2023). Ini menimbulkan persoalan sama ada kerajaan negeri masih mampu mengekalkan tahap kepuasan rakyat yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan seramai 60.5% responden menyatakan kepuasan terhadap pembangunan yang dilaksanakan. Ini jelas menunjukkan Kerajaan negeri masih relevan dan masih mampu memuaskannya hati rakyat Kelantan dari segi pembangunan. Rakyat menghargai usaha kerajaan negeri dalam memperkukuh ekonomi mikro seperti sokongan usahawan kecil, pemberian geran bantuan, dan pengukuhan koperasi Islam. Kepuasan rakyat juga banyak dipengaruhi dengan pembangunan masjid, pusat tahfiz, dan aktiviti agama dengan anggapan bahawa aspek ini sebagai satu pencapaian terpenting.

Dapatan kajian juga mendapati terdapat sebanyak 14.6% responden menyatakan ketidakpuasan. Ini menunjukkan walaupun wujud sokongan yang agak tinggi, namun masih ada tanda-tanda ketidakpuasan yang signifikan. Cabaran besar ialah penyediaan air bersih, pengangkutan awam, dan pembaikan jalan raya. Kajian mendapati peratusan yang tinggi (24.9%) menyatakan *tidak tahu/tidak relevan* mungkin berpunca daripada Maklumat pembangunan belum sampai sepenuhnya kepada rakyat menyebabkan terdapat kekeliruan rakyat terhadap bidang kuasa kerajaan negeri dengan persekutuan. Kerajaan negeri harus memperkukuh saluran maklumat agar setiap lapisan rakyat memahami bentuk pembangunan yang dijalankan dan meningkatkan kesedaran rakyat.

Artikel ini juga mendapati bahawa walaupun terdapat kelemahan ketara dalam aspek pembangunan fizikal dan ekonomi, majoriti rakyat masih menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap kepimpinan kerajaan negeri. Pembangunan lazimnya diukur melalui indikator ekonomi, infrastruktur, peluang pekerjaan, dan kesejahteraan sosial (Todaro & Smith, 2015). Namun, dalam konteks Kelantan, ukuran ini sering tidak selari dengan sokongan politik yang diterima oleh PAS. Hal ini berkait rapat dengan naratif keagamaan, warisan budaya politik dan persepsi terhadap PAS sebagai pelindung nilai Islam. Ini terbukti apabila dalam PRN 2023, PAS melalui Perikatan Nasional (PN) menang semua 45 kerusi DUN di Kelantan, memperkukuh lagi dominasi politiknya.

Syed Hussein Alatas (1977), seorang tokoh sasterawan dan ahli sosiologi, mengemukakan konsep “minda tertawan” atau “captive mind” yang merujuk kepada pemikiran yang dibelenggu oleh ideologi atau pengaruh luar, menghalang seseorang daripada berfikir secara

kritikal. Dalam politik, ia diterjemahkan sebagai ketaksuban atau kesetiaan politik membuta tuli iaitu satu bentuk penundukan minda yang menghalang penilaian objektif terhadap prestasi kerajaan. Konsep ini sangat relevan apabila membincangkan tentang corak dan budaya pengundi di Kelantan.

Apa yang dikatakan berada dalam keadaan 'minda tertawan', budaya politik rakyat Kelantan telah menyebabkan mereka tidak berupaya untuk membuat penilaian secara telus tentang kemampuan dan kebolehan PAS untuk mentadbir dan membangunkan Negeri Kelantan. Walaupun secara fizikalnya PAS tidak berjaya membangunkan Kelantan, sokongan terhadap PAS masih kekal utuh dan tidak berubah (Junaidi Awang Besar et al., 2016). Fenomena yang dipamerkan ini menepati ciri-ciri yang diperkatakan oleh Shamsul A.B (2017) bahawa pengundi Kelantan berada dalam keadaan minda tertawan. Pendekatan PAS yang membawa imej Islamik dan pemimpin mereka juga terdiri kalangan golongan agamawan yang dihormati dalam masyarakat secara tidak langsung telah menawan hati rakyat Kelantan (Mohamad Nadzri, 2020). Dalam satu kajian lapangan oleh Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2019) pula menunjukkan bahawa ramai pengundi PAS tidak mengenali calon mereka secara peribadi tetapi tetap mengundi mereka atas nama parti. Hal ini menunjukkan tahap kebergantungan terhadap simbolisme parti yang tinggi. Pemikiran bahawa "dosa jika tak undi Islam", "kami orang PAS sejak zaman arwah tok ayah", dan "pembangunan dunia tak penting, akhirat lebih utama" mencerminkan dominasi ideologi yang melebihi penilaian prestasi sebenar menjadi antara faktor kenapa sokongan terhadap PAS sentiasa utuh sejak dahulu lagi. Menurut kajian Mazli Mamat et al. (2023), pengamalan Islam di Kelantan berbeza dengan negeri lain kerana cara hidup Islam dan nilai Islam diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding nilai-nilai politik yang lain.

Budaya politik Kelantan sering digambarkan sebagai unik berbanding negeri-negeri lain di Malaysia kerana dipengaruhi secara kuat oleh elemen agama, tradisi dan sejarah sosial masyarakatnya. Sejak sebelum merdeka, masyarakat Kelantan terkenal dengan sifat keterlibatan politik yang tinggi, termasuk minat terhadap ceramah, perbincangan agama, dan isu semasa. Kepekaan politik ini membentuk satu budaya di mana rakyat berasa bertanggungjawab untuk mengikuti perkembangan politik serta membuat pilihan berdasarkan keyakinan moral dan agama.


Salah satu ciri paling menonjol dalam budaya politik Kelantan ialah pengaruh ulama sebagai tokoh autoriti yang dihormati. Peranan ulama tidak hanya terbatas dalam bidang agama, tetapi turut merangkumi kepimpinan politik dan sosial. Tradisi kepatuhan kepada ulama ini membawa kepada sokongan konsisten terhadap parti politik yang berasaskan Islam seperti PAS. Kepimpinan tokoh seperti Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat mengukuhkan lagi pola budaya politik yang menjadikan agama sebagai faktor penentu utama dalam pilihan politik rakyat.

Selain itu, budaya politik Kelantan juga dicirikan oleh kekuatan akar umbi dan jaringan masyarakat yang rapat. Pengaruh masjid, pondok, surau dan institusi keagamaan lain menjadikan masyarakat lebih mudah menerima mesej politik melalui medium agama. Penglibatan masyarakat dalam aktiviti berbentuk keagamaan dan kemasyarakatan ini membantu memperkukuh hubungan antara pemimpin dan rakyat, seterusnya meningkatkan sokongan politik yang berasaskan nilai komuniti.

Dari sudut identiti politik, rakyat Kelantan mempunyai kecenderungan mempertahankan autonomi budaya dan nilai tradisional mereka. Sentimen ini sering diterjemahkan dalam bentuk sokongan kepada parti yang dilihat memperjuangkan kepentingan negeri, identiti Islam, serta maruah rakyat Kelantan. Faktor sejarah seperti hubungan tegang dengan kerajaan Persekutuan pada era tertentu turut menguatkan rasa kebersamaan dan solidariti politik dalam kalangan rakyat.

Budaya politik Kelantan adalah gabungan antara agama, identiti, tradisi dan kesedaran politik yang tinggi. Ia membentuk sebuah masyarakat yang aktif, berprinsip, dan sentiasa peka terhadap isu pentadbiran serta moral pemimpin. Keunikan budaya politik ini menjadikan Kelantan sebuah negeri dengan pola sokongan politik yang stabil dan konsisten, serta menjadi rujukan penting dalam memahami politik Islam dan tingkah laku pengundi di Malaysia.

Kesetiaan yang membuta tuli atau *blind loyalty* kepada sesebuah parti boleh menghakis nilai demokrasi substantif, iaitu demokrasi yang berfungsi dengan pemilihan yang bijak, rasional dan kritikal. Keadaan ini akan menghalang lahirnya politik kompetitif yang sihat. Mietzner (2013) menyatakan bahawa sistem demokrasi memerlukan pengundi yang mampu menilai dasamenuntut akauntabiliti, dan membuat perubahan bila perlu, bukan sekadar setia kerana sejarah atau simbol agama semata-mata. Dalam konteks Kelantan, kesetiaan berlebihan yang diberikan kepada PAS boleh menyebabkan terjadinya "penyahdayaan" rakyat dari tanggungjawab demokratik mereka. Ini menyebabkan prestasi kerajaan negeri tidak dinilai secara objektif, malah sebarang kritikan dilihat sebagai "menentang Islam", yang menjadikan ruang diskusi awam semakin sempit (Maznah Mohamad, 2021). Rakyat tidak lagi berfungsi sebagai penilai, tetapi sebagai penyokong setia yang menolak sebarang bentuk pertikaian terhadap parti yang dianggap suci.



Rajah 3: Berpuas Hati Terhadap Pembangunan oleh Kerajaan Negeri Kelantan

Program Kerajaan Negeri Memberi Manfaat kepada Rakyat Kelantan

Pilihan Raya Umum ke-15 menyaksikan Kelantan kekal di bawah teraju kerajaan negeri yang sama, dengan mandat yang kuat dari rakyat. Namun, persoalan penting pasca pilihan raya adalah sama ada program-program yang diperkenalkan atau diteruskan oleh kerajaan negeri benar-benar memberi manfaat kepada rakyat atau sebaliknya. Ini menjadi penting dalam konteks demokrasi berfungsi dan akauntabiliti pentadbiran. Selepas kemenangan besar PAS dalam PRN 2023 di Kelantan, kerajaan negeri memperkenalkan beberapa inisiatif dan program pembangunan yang dilihat sebagai usaha untuk memperkukuh kesejahteraan rakyat dan menunjukkan prestasi pasca-pilihan raya.

Keberkesanan program kerajaan seharusnya diukur bukan hanya dari segi hasil rasmi tetapi juga dari segi persepsi dan pengalaman langsung rakyat. Kajian oleh Ahmad & Mahmud (2020) mendapati persepsi rakyat terhadap program sosial sangat dipengaruhi oleh faktor komunikasi dasar dan kredibiliti pemimpin tempatan. Dapatan menunjukkan majority (59.6%) rakyat merasakan bahawa program-program kerajaan negeri memberikan manfaat langsung kepada kehidupan mereka, terutamanya dalam aspek kebajikan sosial, pendidikan, keusahawanan mikro, dan pembangunan komuniti Islamik. Faktor yang menyumbang kepada tanggapan positif walaupun realiti pelaksanaan masih dipersoalkan boleh dikaitkan dengan konsep "minda tertawan" (captive mind) oleh Syed Hussein Alatas (1977). Ramai pengundi Kota Bharu mengaitkan program kerajaan dengan nilai keagamaan dan kesucian perjuangan PAS, menjadikan mereka kurang kritikal terhadap prestasi sebenar pentadbiran.

Kepercayaan bahawa "kerajaan Islam" tidak boleh disamakan dengan kerajaan lain dari segi penilaian duniawi menyebabkan penilaian menjadi tidak objektif. Ini menyokong hujah Liow (2011) bahawa politik identiti di Kelantan adalah sangat berakar dan berjaya membentuk persepsi terhadap realiti yang bersifat idealistik, bukan empirikal.


Program seperti *Karnival Kelantanku Cakna 2025* dan pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memelihara kesejahteraan rakyat, terutamanya golongan kurang berkemampuan dan penjawat awam. Pendekatan ini berfungsi sebagai mekanisme legitimasi populis, di mana bantuan secara langsung dijadikan simbol keprihatinan pemerintah terhadap rakyat, sekaligus mengekalkan kepercayaan dan sokongan politik pasca pilihan raya.

Kerajaan Negeri Kelantan dilihat meletakkan pelancongan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi pasca PRU15. Pelancaran "*Indahnya Kelantan 2025*" bukan sekadar kesinambungan daripada Tahun Melawat Kelantan 2024 (TMK24), tetapi juga strategi bagi memulihkan sektor pelancongan yang terjejas akibat pandemic dengan memanfaatkan kekayaan budaya tempatan, warisan Islam dan keindahan semula jadi sebagai aset pelaburan sosial. Ini seiring dengan teori "endogenous development" di mana komuniti tempatan terlibat aktif dalam sektor pelancongan, seperti peniaga kecil dan pengusaha inap desa.

Program lain yang dianjurkan lah kerajaan negeri Kelantan adalah *World #QuranHour* dan pelbagai kempen. Program ini bertujuan untuk menyatukan umat Islam melalui pembacaan dan tadabbur Al-Quran. Ini menandakan bahawa elemen "Membangun Bersama Islam" masih menjadi teras pentadbiran PAS Kelantan. Ini memperlihatkan usaha konsisten kerajaan negeri

mengekalkan legasi identiti politik Islam. Walaupun majoriti responden bersikap positif, wujud juga segmen masyarakat yang menyuarakan keraguan terhadap keberkesanan sebenar program-program yang dilaksanakan. Dapatan kajian mendapati 9.70% responden menyatakan tidak bersetuju dan 4.50% responden sangat tidak setuju manakala 26.2% responden menyatakan tidak tahu/tidak relevan. Ini menunjukkan keperluan komunikasi yang lebih efektif antara kerajaan negeri dan rakyat. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun program mungkin baik, pengetahuan rakyat terhadapnya tidak menyeluruh. Sebahagian rakyat merasakan program yang diumumkan terlalu bersifat populis dan simbolik, tanpa hasil yang bersifat jangka panjang. Persepsi ini sejalan dengan kajian Mietzner (2013) yang mengingatkan bahawa ketaksuban terhadap agenda populis tanpa pemantauan kritikal dari rakyat boleh menghasilkan pembangunan yang statik dan tidak mapan.

Analisis menunjukkan bahawa kesetiaan terhadap PAS mengatasi rasional pembangunan sebenar. Ini mencerminkan apa yang disebut oleh Maznah Mohamad (2021) sebagai “keutuhan naratif populisme Islam” yang membina hubungan simbolik antara rakyat dan pemimpin. Dalam konteks ini, apa sahaja program yang diperkenalkan dilihat sebagai satu bentuk “jihad” atau “amanah”, bukan polisi awam yang perlu dinilai secara empirikal.



Rajah 4: Program Kerajaan Negeri Bermanfaat Buat Rakyat

Kesimpulan

Kajian ini memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai persepsi rakyat Kelantan terhadap prestasi kerajaan negeri di bawah pimpinan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) selepas Pilihan Raya Negeri 2023. Hasil dapatan menunjukkan bahawa walaupun aspek pembangunan ekonomi dan infrastruktur negeri masih menghadapi pelbagai kekangan, tahap kepuasan rakyat terhadap kerajaan negeri kekal tinggi. Ini jelas membuktikan bahawa bentuk sokongan terhadap PAS di Kelantan tidak hanya bergantung kepada prestasi fizikal atau ekonomi semata-mata, tetapi didorong kuat oleh dimensi ideologi, nilai agama dan identiti budaya.

Sokongan padu yang diterima oleh PAS selepas PRN 2023 memperlihatkan betapa kuatnya kedudukan parti dalam struktur sosial dan pemikiran rakyat Kelantan. Naratif kepimpinan berteraskan Islam, citra bersih, serta sejarah panjang pentadbiran PAS telah membentuk suatu pola kesetiaan politik yang sukar digugat. Dalam hal ini, konsep "minda tertawan" dan kesetiaan membuta tuli dapat digunakan untuk menerangkan bagaimana sebahagian pengundi kekal menyokong parti meskipun realiti pembangunan tidak sepenuhnya menepati jangkaan semasa. Namun timbul persoalan penting terhadap masa depan demokrasi substantif di negeri ini. Ia menuntut wacana yang lebih kritikal tentang keperluan untuk mengimbangi kesetiaan politik dengan keupayaan membuat penilaian rasional terhadap prestasi pentadbiran demi menjamin kemajuan yang lestari.

Sebagai penutup, sokongan rakyat Kelantan terhadap PAS pasca PRN 2023 merupakan cerminan kestabilan politik yang perlu dimanfaatkan untuk membawa agenda pembangunan yang lebih progresif dan menyeluruh. Wujud keperluan mendesak untuk memperbaiki aspek pembangunan infrastruktur, pengurusan sumber asli, dan penjana ekonomi. Kerajaan negeri wajar terus menambah baik aspek pembangunan fizikal tanpa mengabaikan kekuatan asas mereka iaitu nilai Islam dan kesejahteraan sosial. Sekiranya kerajaan negeri ingin terus mengekalkan kepercayaan rakyat, langkah reformasi dan peningkatan keberkesanan pentadbiran perlu diberi keutamaan. Kelangsungan kuasa politik harus dilihat sebagai peluang untuk memperkukuh kecekapan pentadbiran dan memperkasakan kesejahteraan rakyat, bukan sekadar mengekalkan populariti melalui simbolisme agama atau tradisi politik semata-mata.

Penghargaan:	Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pensyarah, rakan sekerja, dan ahli keluarga atas bimbingan, sokongan, dan bantuan mereka sepanjang penyelesaian kajian ini. Terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur atas kebenaran dan sokongan terhadap penyelidikan yang menghasilkan artikel ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel jurnal ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.

Pernyataan Sumbangan Penulis: Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Mazlan Ali bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian, penyeliaan keseluruhan kajian, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Junaidi Awang Besar menyumbang kepada sorotan literatur dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2019). *Islamism and electoral politics in Malaysia: Lessons from PAS*. Contemporary Southeast Asia.
- Ahmad, N., & Mahmud, R. (2020). Public participation and program effectiveness in local government. *Malaysian Journal of Governance*, 15(2), 113–127.
- Alatas, S. H. (1977). *The captive mind*. C.A. Watts.
- Awang Besar, J. (2022). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahan. *e-Bangi*, 20(1), 168–180.
- Downs, A. (1957). *An economic theory of democracy*. Harper.
- Hamzah, M., & Zainab, S. (2020). Persepsi rakyat terhadap pemimpin politik di Malaysia. *Jurnal Politik Malaysia*, 39(1), 31–50.
- Liow, J. C. (2011). *Piety and politics: Islamism in contemporary Malaysia*. Oxford University Press.
- Mazlan, A., & Azmi, R. (2021). Pembangunan infrastruktur dan politik Negeri Kelantan: Satu tinjauan. *Malaysian Development Journal*, 11(3), 22–41.
- Mazli Mamat, Ismail, M. M., Ku Samsu, K. H., & Adnan, Z. H. (2023). Budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan di Lembah Klang pasca PRU ke-14. *Akademika*, 93(3), 53–67.
- Maznah Mohamad. (2021). Religious populism in Malaysia: Old strategies, new contenders. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 20(1), 168–180.
- Mietzner, M. (2013). *Democracy and Islam in Indonesia*. Policy Studies.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2018). *Politik dan kepimpinan negeri-negeri Pantai Timur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2022). Islam and political legitimacy in Malaysia: PAS and its Islamic governance. *Journal of Southeast Asian Studies*, 20(1), 168–180.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2020). Pilihan raya dan politik Malaysia pasca PRU 2018: Persaingan, dinamik dan implikasi. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(1), 150–175.
- Nasrudin, M. R., Hashim, N., & Yahaya, R. (2022). Kepimpinan Islam dan keberkesanan tadbir urus di Kelantan. *Malaysian Political Review*, 9(2), 44–61.
- Noor, F. A. (2014). *The Malaysian Islamic Party (PAS): 1951–2013*. Amsterdam University Press.
- Noor, F. N. (2019). Religious legitimacy and political power in Malaysia. *Malaysian Journal of Politics*, 15(2), 45–67.

- Pye, L. W., & Verba, S. (1965). *Political culture and political development*. Princeton University Press.
- Shamsul, A. B. (2017, February 27). Trend politik semasa Kelantan. *Sinar Harian*.
- Suzei Mat Nurudin. (2022). By-laws and social relations: Shaping the societal behaviour. *GATR Global Journal of Business Social Sciences*, 39(1), 31–50.
- Taib, R., & Vivian, B. T. (2024). Passive resistance among Malaysian voters: New dynamics in the Malaysian electoral landscape. *IJAREG*, 15(2), 113–127.
- The Star. (2023). PRU15 analysis: PAS gains ground in urban Malaysia.
- Todaro, M. P., & Smith, S. C. (2015). *Economic development*. Pearson.
- Ufen, A. (2009). The transformation of political party opposition in Malaysia: From consensus to competition. *Democratization*, 16(3), 604–627.
- Unit Penyelidikan Politik dan Pilihan Raya (UP3), Universiti Teknologi Malaysia. (2025). *Laporan tinjauan persepsi rakyat Kelantan pasca PRU15* (Tidak diterbitkan).
- Wan Sulaiman, W. S. (2024). Malaysia Madani policy concept in Kelantan State. *Environment–Behaviour Proceedings Journal*.
- Washida, H. (2023). Voting behaviour after the collapse of a dominant party regime in Malaysia: Ethno-religious backlash or economic grievances? *The Round Table*, 112(3), 249–272.
- Widad Fadhullah. (2022). Household solid waste practices and perceptions among residents in the East Coast of Malaysia. *BMC Public Health*.
- Winzeler, R. L. (1975). Traditional Islamic schools in Kelantan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 48(1), 91–103.
- Zainal Abidin, M. (2020). Pembangunan negeri dan persepsi awam: Kajian kes di Kelantan. *Journal of Malaysian Governance*, 15(1), 34–50.
- Zainal, M. A. (2023). PAS dan politik identiti Islam di Kelantan. *Jurnal Politik dan Masyarakat*, 30(1), 102–120.